



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 31

AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957

Sebagaimana pada 1 Disember 2016

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2016

AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957

Pertama kali diperbuat 1957 (Ordinan No. 76
tahun 1957)

Disemak 1970 (Akta 31 m.b.p
1 Julai 1971)

Teks bahasa kebangsaan
ialah teks sahih P.U. (B) 501/1994

Kali terakhir dipinda melalui
P.U. (A) 196/2014 yang mula
berkuat kuasa pada 1 Jun 2014

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1993

Cetakan Semula Yang Kedua 1999

Cetakan Semula Yang Ketiga 2004

Cetakan Semula Yang Keempat 2006

Cetakan Semula Yang Kelima 2009

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 31****AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Saraan
3. Peruntukan menghalang dua gaji
4. Pertanggungan gaji
5. Komunikasi tertentu adalah terlindung
6. Perlindungan anggota
7. Anggota, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya disifatkan sebagai pekhidmat awam
8. Memberikan maklumat palsu kepada Suruhanjaya
9. Penyiaran dan penzahiran maklumat tanpa kebenaran
10. Mempengaruhi atau cuba mempengaruhi Suruhanjaya
11. Keizinan Pendakwa Raya terhadap pendakwaan
12. Jadual boleh dipinda melalui peraturan-peraturan

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 31

AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957

Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi saraan, keistimewaan dan perlindungan anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, bagi hukuman kesalahan yang berkaitan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya, dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

[*Semenanjung Malaysia, *Wilayah Persekutuan Putrajaya—31 Ogos 1957, Ord. No. 76/1957; Sabah, **Wilayah Persekutuan Labuan —20 Mei 1965, L.N. 202/1965; Sarawak—25 April 1966, P.U. 273/1966*]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957.

Saraan

2. (1) Saraan bagi anggota Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah terdiri daripada gaji atau elaun tetap, elaun dan keistimewaan yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Gaji atau elaun tetap bagi setiap anggota Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah—

(a) bermula dari tarikh pelantikannya;

*CATATAN—lihat seksyen 6 Akta A1095.

**CATATAN—lihat seksyen 6 Akta A585.

- (b) terakru dari hari ke hari; dan
- (c) kena dibayar setiap bulan pada hari akhir setiap bulan atau pada mana-mana hari lain yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Perbendaharaan.

Peruntukan menghalang dua gaji

3. Seseorang yang kepadanya gaji kena dibayar di bawah Akta ini atau yang peruntukan mengenai gajinya sebagai penyandang mana-mana jawatan lain dibuat melalui mana-mana undang-undang bertulis yang lain adalah berhak menerima hanya satu sahaja gaji sedemikian, tetapi jika dia ialah penyandang dua jawatan atau lebih yang berkenaan dengannya gaji kena dibayar sedemikian dan ada perbezaan antara gaji yang kena dibayar berkenaan dengan jawatan-jawatan itu, jawatan yang berkenaan dengannya gaji kena dibayar kepadanya ialah jawatan yang berkenaan dengannya gaji yang paling tinggi kena dibayar.

Pertanggungan gaji

4. Jumlah wang yang diperlukan bagi saraan yang kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

Komunikasi tertentu adalah terlindung

5. Tiada seorang pun dalam mana-mana prosiding undang-undang boleh dibenarkan atau dipaksa mengemukakan atau menzahirkan apa-apa komunikasi bertulis atau lisan yang telah berlaku antara Suruhanjaya Pilihan Raya atau mana-mana anggota Suruhanjaya itu dengan Kerajaan atau mana-mana Menteri atau pegawai awam atau apa-apa komunikasi antara anggota Suruhanjaya Pilihan Raya pada menjalankan atau berkaitan dengan penjalanan fungsi Suruhanjaya melainkan jika Yang di-Pertuan Agong secara bertulis mengizinkan pengemukaan atau penzahiran itu.

Perlindungan anggota

6. Tiap-tiap anggota Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah mempunyai perlindungan dan keistimewaan, dalam hal apa-apa tindakan atau guaman yang dibawa terhadapnya kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya semasa bertindak dalam melaksanakan jawatannya, yang sama seperti yang diberikan oleh undang-undang kepada seseorang Majistret semasa bertindak dalam melaksanakan jawatannya.

Anggota, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya disifatkan sebagai pekhidmat awam

7. Tiap-tiap anggota, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Memberikan maklumat palsu kepada Suruhanjaya

8. Mana-mana orang yang, berkaitan dengan penjalanan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya mana-mana fungsinya, dengan sengaja memberikan apa-apa maklumat yang palsu atau mengelirukan tentang apa-apa butir material kepada Suruhanjaya itu atau kepada mana-mana anggotanya atau kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilantik oleh Suruhanjaya itu untuk membantu menjalankan fungsinya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penyiaran dan penzahiran maklumat tanpa kebenaran

9. (1) Tiada seorang pun anggota Suruhanjaya Pilihan Raya atau mana-mana orang lain, tanpa kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong, boleh menyiarkan atau menzahirkan, kepada mana-mana orang yang tidak diberi kebenaran atau selain dalam perjalanan kewajipan, kandungan atau mana-mana bahagian kandungan apa-apa dokumen, komunikasi atau maklumat juapun yang telah sampai kepada pengetahuannya dalam perjalanan

kewajipannya sebagai anggota berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan penjalanan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya mana-mana fungsinya, dan mana-mana orang yang dengan disedarinya melakukan perbuatan yang melanggar subseksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana orang yang memiliki apa-apa maklumat yang pada pengetahuannya telah dizahirkan dengan melanggar seksyen ini menyiaran atau menyampaikan maklumat itu kepada mana-mana orang selain bagi maksud sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini, dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Mempengaruhi atau cuba mempengaruhi Suruhanjaya

10. Mana-mana orang yang dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain, selain dalam menjalankan kewajipannya, secara langsung atau tidak langsung dengan apa-apa cara jua pun mempengaruhi atau cuba mempengaruhi apa-apa keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya atau mana-mana anggotanya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini milarang mana-mana orang memberikan apa-apa maklumat atau bantuan apabila diminta dengan rasmi oleh Suruhanjaya.

Keizinan Pendakwa Raya terhadap pendakwaan

11. Sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

Jadual boleh dipinda melalui peraturan-peraturan

12. Yang di-Pertuan Agong boleh meminda Jadual melalui peraturan-peraturan.

JADUAL**[Seksyen 2]****1. GAJI:**

Pengerusi	RM18,891.29 sebulan
Timbalan Pengerusi	RM16,868.35 sebulan

ELAUN TETAP:

Anggota	RM14,587.54 sebulan
---------	---------------------

ELAUN MEMANGKU:

- (a) Sekiranya Timbalan Pengerusi atau mana-mana anggota melaksanakan fungsi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi selama suatu tempoh yang melebihi dua puluh lapan hari, dia berhak mendapat elaun memangku yang sama nilainya dengan perbezaan antara gaji atau elaun tetapnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan gaji jawatan yang dipangkunya.
- (b) Timbalan Pengerusi atau mana-mana anggota yang pernah diminta melaksanakan fungsi Pengerusi bagi kali kedua atau kemudianya berhak mendapat elaun memangku, jika dia melaksanakan fungsi itu selama tempoh yang melebihi empat belas hari, termasuk hari kelepasan am.

2. ELAUN SARA HIDUP (DALAM NEGERI):

- (a) apabila bertugas di luar kawasan selama tempoh dua puluh empat jam dan lebih:

Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “A” dan ke atas mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Timbalan Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “B” mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Anggota bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “C” mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

- (b) apabila bertugas di luar kawasan selama tempoh yang melebihi lapan jam tetapi kurang daripada dua puluh empat jam kadarnya ialah separuh daripada kadar dalam subperenggan (a).

3. PERBELANJAAN PENGINAPAN HOTEL DAN LOJING (DALAM NEGERI):

Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “A” dan ke atas mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Timbalan Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “B” mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Anggota bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “C” mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

4. ELAUN PERJALANAN MENGGUNAKAN KENDERAAN SENDIRI:
(tidak termasuk perjalanan dari rumah ke pejabat dan sebaliknya)

Seseorang anggota Suruhanjaya yang menggunakan kenderaananya sendiri semasa menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabatnya layak menuntut elaun perjalanan mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam *Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

*CATATAN—Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 telah menggantikan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1992.

5. KEMUDAHAN PERUBATAN:

Rawatan pesakit luar percuma bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota, suami atau isteri dan anak-anak mereka tetapi jika dimasukkan ke hospital bayaran wad harian kena dibayar mengikut kadar yang dikenakan ke atas pegawai Bahagian I kecuali jika kemasukan ke hospital adalah akibat kecederaan yang dialami semasa menjalankan tugas. Jika Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau anggota itu ialah seorang pesara dia boleh memilih kemudahan perubatan yang disediakan untuk pesara. "Anak" ertinya mana-mana anak tanggungan berumur di bawah 21 tahun bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau anggota, atau mana-mana anak tanggungan yang mengikuti pengajian untuk mendapatkan ijazah pertama di sesuatu institusi pengajian tinggi dan termasuklah seseorang anak yang terencaut akal atau cacat anggota yang mengenainya had umur tidak terpakai. Ia hendaklah juga termasuk seseorang anak tiri atau anak yang diambil sebagai anak angkat di bawah mana-mana undang-undang atau adat yang diiktiraf.

6. CUTI:

- (a) Tiga puluh hari cuti rehat hendaklah diberikan bagi setiap tahun genap perkhidmatan dengan Suruhanjaya;
- (b) seseorang anggota boleh membawa ke hadapan cuti rehat yang tidak dapat dihabiskannya dalam tahun berkenaan ke tahun berikutnya berhubung dengan tempoh jawatannya; dan
- (c) seseorang anggota boleh memohon cuti khas menunaikan fardu Haji dengan syarat bahawa dia belum lagi menggunakan keistimewaan ini semasa dalam perkhidmatan awam dan tertakluk kepada terma dan syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

7. ELAUN PERUMAHAN BULANAN:

Rumah kerajaan berperabot Kelas "B" atau "C" hendaklah diperuntukkan dengan percuma atau jika tidak tinggal di rumah kerajaan elaun perumahan pada kadar yang berikut hendaklah dibayar:

Pengerusi	RM2,500
Timbalan Pengerusi	RM1,600
Anggota	RM1,300

8. GANJARAN:

Suatu ganjaran mengikut kadar $17\frac{1}{2}\% - 12\%$ caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) x jumlah bulan genap perkhidmatan x gaji pokok akhir selepas ditolak caruman majikan kepada KWSP hendaklah dibayar—

- (a) apabila tamat tempoh pelantikan anggota itu tetapi jika seseorang anggota dilantik selama lebih daripada satu penggal dia boleh memilih sama ada dibayar pada akhir setiap penggal atau sehingga dia telah menyempurnakan kesemua penggal (dalam mana-mana satu hal dia berhak mendapat pengecualian daripada cukai pendapatan hanya sekali); atau
- (b) kepada mana-mana tanggungannya sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong atau jika tidak ada tanggungan, kepada wakil dirinya, jika dia mati semasa memegang jawatan.

9. PENDAHULUAN UNTUK MEMBELI KENDERAAN:

(kena dibayar dalam tempoh jawatan anggota itu yang dalamnya pendahuluan itu diberikan mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan atau Surat Pekeliling Pendahuluan Membeli Kenderaan bagi anggota perkhidmatan awam atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa).

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi	RM70,000
----------------------------------	----------

Anggota	RM65,000
---------	----------

10. ELAUN PEMANDU:

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi	disediakan seorang pemandu atau jika pemandu yang diambil kerja bukan daripada perkhidmatan awam, gaji berasaskan Gred R3 dalam Sistem Saraan Malaysia.
-------------------------------------	---

Anggota	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “C” mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.
---------	--

11. PERJALANAN UDARA:

(“dalam negeri” ertiannya penerbangan di dalam dan ke dan dari Brunei, Kalimantan, Malaysia, Singapura dan Thailand (dari Phuket ke selatan)).

Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota	Kelas Satu (bukan dalam negeri dan dalam negeri).
--	--

12. ELAUN KERAIAN BULANAN:

Pengerusi	RM5,000
Timbalan Pengerusi	RM3,050
Anggota	RM2,500

13. KERETA RASMI:

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah diperuntukkan suatu kereta rasmi sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

14 KELAYAKAN TAMBANG KETIKA MELAPORKAN DIRI:

Seseorang anggota Suruhanjaya berhak—

- (a) menuntut tambang penerbangan berdasarkan kelayakannya apabila terbang untuk melaporkan diri;
- (b) tambang penerbangan bagi suami/isteri dan anak di bawah umur 21 tahun; dan
- (c) elaun perpindahan ke negeri asal apabila tempoh jawatannya tamat.

15. ELAUN GANTIAN:

Seseorang anggota Suruhanjaya berhak mendapat elaun gantian apabila menggunakan kenderaananya sendiri untuk menjalankan fungsi rasmi di luar ibu pejabat tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

16. PENDAHULUAN:

Apabila menjalankan fungsi rasmi di luar ibu pejabat, seseorang anggota Suruhanjaya berhak mendapat pendahuluan tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

17. PERBELANJAAN PELBAGAI:

Apabila membuat perjalanan untuk menjalankan fungsi rasmi, perbelanjaan pelbagai yang berikut yang dilakukan hendaklah dibayar balik:

- (a) bayaran telefon, telegram atau bayaran pos yang dilakukan berkenaan dengan fungsi rasmi itu;
- (b) belanja dobi (yang disokong dengan resit) yang dilakukan semasa menginap di hotel selama lebih daripada tiga hari; dan
- (c) bayaran tempat meletak kereta, tol dan feri (yang disokong dengan resit).

18. ELAUN MENYELENGGARA RUMAH:

Pengerusi	RM3,000 setahun
Timbalan Pengerusi dan Anggota	RM2,000 setahun

19. ELAUN PEMBANTU RUMAH:

Pengerusi	RM1,000 sebulan
Timbalan Pengerusi dan Anggota	RM500 sebulan

20. BAYARAN BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK:

Pengerusi berhak dibekali bekalan air dan elektrik secara percuma.

21. BERTUGAS RASMI DI LUAR MALAYSIA:

- (a) Elaun Sara Hidup

Pengerusi	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "A" dan ke atas mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.
-----------	--

Timbalan Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “B” mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Anggota bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “C” mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

(b) Bayaran Sewa Hotel dan Lojing

Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “A” dan ke atas mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Timbalan Pengerusi bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “B” mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Anggota bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas “C” mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

(c) Belanja Pelbagai

Apabila menjalankan tugas rasmi di luar Malaysia, seseorang anggota Suruhanjaya berhak menuntut belanja pelbagai mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam *Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

*CATATAN—Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 telah menggantikan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1992.

(d) Elaun Pakaian Panas

Apabila dikehendaki menjalankan tugas rasmi di negara beriklim sederhana, seseorang anggota Suruhanjaya layak menuntut Elaun Pakaian Panas mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam *Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

22. SKIM *EX GRATIA* BAGI BENCANA KERJA:

Seseorang anggota Suruhanjaya yang terlibat dalam kemalangan atau tercedera semasa menjalankan tugas rasmi berhak menerima faedah mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

23. CUTI SAKIT:

Seseorang anggota Suruhanjaya berhak mendapat kemudahan cuti sakit mengikut terma dan syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perintah Am Bab C Tahun 1974 serta Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2006 atau apa-apa pindaan mengenainya.

*CATATAN—Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 telah menggantikan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1992.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 31

AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
L.N. 202/1965	Perintah Pengubahaian Undang-Undang (Suruhanjaya Pilihan Raya) (Perluasan ke Sabah) 1965	20-05-1965
L.N. 246/1965	Pembetulan kepada L.N. 202/1965	20-05-1965
P.U. 273/1966	Perintah Pengubahaian Undang-Undang (Suruhanjaya Pilihan Raya) (Perluasan ke Sarawak) 1966	25-04-1966
Akta A150	Akta Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan) 1972	01-01-1972
Akta A165	Akta Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan) 1973	01-01-1972
Akta A214	Akta Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan) (No. 2) 1973	31-08-1973
Akta A469	Akta Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan) 1979	01-07-1977
P.U. (A) 97/1981	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual Kedua) 1981	01-07-1980
Akta A510	Akta Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan) 1981	01-07-1980
Akta A524	Akta Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan) 1981	15-05-1981
P.U. (A) 314/1981	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 1981	15-05-1981

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 427/1989	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 1989	01-10-1988
P.U. (A) 365/1991	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 1991	Perenggan 2(a): 01-01-1991; Perenggan 2(b) & (c): 01-03-1991
P.U. (A) 79/1992	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 1992	Subperaturan 2(1): 01-01-1989; Subperaturan 3(1): 01-01-1992
P.U. (A) 331/1996	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 1996	01-01-1994
P.U. (A) 599/1996	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) (No. 2) 1996	01-01-1995
P.U. (A) 231/1998	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 1998	19-06-1998
P.U. (A) 222/2000	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2000	01-08-1999
P.U. (A) 408/2000	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) (No. 2) 2000	01-01-2000
P.U. (A) 243/2001	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2001	01-03-2001
P.U. (A) 163/2002	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2002	01-01-2002
P.U. (A) 32/2003	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2003	02-10-2002

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 229/2004	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2001 – Pembetulan	01-03-2001
P.U. (A) 19/2005	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2005	01-11-2002
P.U. (A) 24/2005	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) (No. 2) 2005	01-10-2003
P.U. (A) 416/2007	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2007	01-07-2007
P.U. (A) 118/2010	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2010	10-03-2010
P.U. (A) 270/2012	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2012	01-08-2012
P.U. (A) 348/2012	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) (No. 2) 2012	01-08-2012
P.U. (A) 152/2014	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) 2014	01-01-2013
P.U. (A) 196/2014	Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (Pindaan Jadual) (No. 2) 2014	01-06-2014

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 31

AKTA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA 1957

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A150 Akta A469 Akta A524	01-01-1972 01-07-1977 15-05-1981
12	Akta A469 Akta A524	01-07-1977 15-05-1981
Jadual	Akta A150 Akta A165 Akta A214 Akta A469 Akta A510 P.U. (A) 97/1981 Akta A524 P.U. (A) 314/1981 P.U. (A) 427/1989 P.U. (A) 365/1991 P.U. (A) 79/1992 P.U. (A) 331/1996 P.U. (A) 599/1996 P.U. (A) 231/1998 P.U. (A) 222/2000 P.U. (A) 408/2000 P.U. (A) 243/2001 P.U. (A) 163/2002 P.U. (A) 32/2003 P.U. (A) 19/2005 P.U. (A) 24/2005 P.U. (A) 416/2007 P.U. (A) 118/2010	01-01-1972 01-01-1972 31-08-1973 01-07-1977 01-07-1980 01-07-1980 15-05-1981 15-05-1981 01-10-1988 01-01-1991; 01-03-1991 01-01-1989; 01-01-1992 01-01-1994 01-01-1995 19-06-1998 01-08-1999 01-01-2000 01-03-2001 01-01-2002 02-10-2002 01-11-2002 01-10-2003 01-07-2007 10-03-2010

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	P.U. (A) 270/2012	01-08-2012
	P.U. (A) 348/2012	01-08-2012
	P.U. (A) 152/2014	01-01-2013
	P.U. (A) 196/2014	01-06-2014
